



## **MENTERI KOMUNIKASI**

---

### **AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998**

#### **ARAHAN MENTERI MENGENAI PENENTUSAHAN PENYATA HASIL BERSIH PEMEGANG LESEN YANG MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PESANAN INTERNET DAN PERKHIDMATAN MEDIA SOSIAL OLEH SURUHANJAYA BERHUBUNG SUMBANGAN KEPADA KUMPULAN WANG PEMBERIAN PERKHIDMATAN SEJAGAT**

#### **ARAHAN MENTERI NO. 1 TAHUN 2025**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] ("Akta"), Menteri mengeluarkan arahan kepada Suruhanjaya seperti berikut:

#### **Nama dan Permulaan Kuat Kuasa**

1. Arahan ini bolehlah dinamakan sebagai **Arahan Menteri Mengenai Penentusahan Penyata Hasil Bersih Pemegang Lesen yang Menyediakan Perkhidmatan Pesanan Internet dan Perkhidmatan Media Sosial oleh Suruhanjaya berhubung Sumbangan kepada Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat.**
2. Arahan ini mula berkuat kuasa pada tarikh Arahan ini didaftarkan.

#### **Tafsiran**

3. Dalam Arahan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, apa-apa terma hendaklah ditafsirkan mengikut dan tertakluk kepada Akta atau perundangan subsidiari yang relevan di bawahnya.

## **Penentusahan Penyata Hasil Bersih Pemegang Lesen yang Menyediakan Perkhidmatan Pesanan Internet dan Media Sosial oleh Suruhanjaya**

4. Dalam menentusahkan penyata hasil bersih yang dikemukakan oleh pemegang-pemegang lesen menurut peraturan 30 Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002, Menteri dengan ini mengarahkan Suruhanjaya untuk mengambil kira hasil bersih yang dikemukakan oleh pemegang-pemegang lesen yang menyediakan perkhidmatan pesanan Internet dan perkhidmatan media sosial yang telah mendaftar dengan Suruhanjaya di bawah seksyen 45 Akta (dirujuk secara kolektif sebagai "**Penyedia Perkhidmatan**") berdasarkan dasar yang telah ditetapkan, bagi maksud mengira amaun sumbangan Penyedia Perkhidmatan kepada Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat ("**Kumpulan Wang PPS**").
5. Dalam perihal ini, dasar yang telah ditetapkan adalah pengetepian sementara hasil bersih daripada perkhidmatan pesanan Internet dan perkhidmatan media sosial bagi maksud mengira amaun sumbangan oleh Penyedia Perkhidmatan kepada Kumpulan Wang PPS mulai 1 Januari 2025.
6. Arahan ini hendaklah terpakai bagi penyata hasil bersih daripada perkhidmatan dinamakan (*return of net revenue derived from designated services*) yang dikemukakan oleh Penyedia Perkhidmatan bagi tahun kalendar 2025 sahaja.
7. Suruhanjaya hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk melaksanakan Arahan seperti di perenggan-perenggan 4, 5 dan 6 di atas.
8. Menteri boleh pada bila-bila masa mengubahsuai, mengubah atau membatalkan Arahan ini.

Tarikh: 2 Januari 2025

[KKD.BKM.(S).100-1/5/4(66)]



**AHMAD FAHMI MOHAMED FADZIL**  
Menteri Komunikasi